



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

6 JANUARI 2023 (JUMAAT)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)

6 JANUARI 2023 (JUMAAT)

Lori isi minyak sejam bongkar aktiviti seleweng diesel subsidi

IPOH - Tindakan mencurigakan sebuah lori mengisi minyak diesel bersubsidi selama sejam di sebuah stesen minyak di Simpang Pulai di sini membawa kepada kejayaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak menumpaskan kegiatan penyeleweng bahan api bersubsidi.

Pengarah KPDN Perak, Saifullizan Kamarul Zaman berkata, operasi membabitkan sepasukan pegawai dan anggota penguat kuasa KPDN negeri itu dilakukan hasil intipan yang dijalankan selama dua minggu di stesen minyak sekitar Simpang Pulai dan Gopeng pada Rabu.

Menurutnya, dalam operasi itu, pihaknya mengesan sebuah lori dalam keadaan mencurigakan yang sedang mengisi minyak di sebuah stesen minyak dengan mengambil masa terlalu lama.

"Anggota yang terlibat dalam operasi terbabit bertindak mengekori pergerakan lori berkenaan. Hasilnya mereka menemukan satu lokasi pusat pengumpulan minyak disyaki diesel di Taman Perindustrian Tungzen yang dipercayai beroperasi tanpa lesen yang sah," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

FOTO: KPDN PERAK



Anggota penguat kuasa KPDN Perak memeriksa tangki disyaki berisi minyak diesel bersubsidi yang berada di premis berkenaan dalam operasi terbabit.

Pemandu, kelindan sewa lori tangki untuk seleweng diesel

Bukit Mertajam: Tindakan dua lelaki menyewa sebuah lori tangki untuk melakukan aktiviti penyelewengan diesel membawa padah apabila mereka ditahan penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang di sebuah stesen minyak di Jalan Kulim, di sini, petang kelmarin.

Lelaki warga tempatan terdiri daripada pemandu lori serta kelindan berusia lingkungan 20 dan 30-an itu ditahan pada jam 4.30 petang ketika mereka sedang mengisi minyak dalam keadaan mencurigakan.

Pengarah KPDN negeri, S Jegan, berkata pemeriksaan

ke atas lori tangki itu menemui satu unit tangki besi berkapasiti 10,800 liter di bahagian belakang dan satu unit tangki berkapasiti 800 liter di sebelah tepi yang digunakan untuk mengisi diesel.

"Seterusnya, pemeriksaan lanjut yang dijalankan anggota penguatkuasa menemui kira-kira 1,800 liter diesel sudah diisi di kedua-dua tangki berkenaan.

"Kita dapati modus operandi yang digunakan adalah mereka mengutip diesel bersubsidi ini dari satu stesen ke stesen minyak lain.

"Bahkan, siasatan ke atas dua lelaki ini memaklumkan bahawa mereka menyewa



JEGAN (kanan) bersama Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN Pulau Pinang, A Mogan menunjukkan modus operandi pemindahan diesel - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

lori tangki ini sejak dua bulan lalu untuk melakukan aktiviti penyelewengan ini bagi meraih pendapatan antara RM200 ke RM300 sehari," katanya pada sidang media di Stor Penyimpanan Eksibit KPDN negeri di sini, semalam.

Jegan berkata, dalam operasi itu pihaknya merampas dan menyita sebuah lori, diesel, pam motor, hos, telefon bimbit, walkie-talkie serta sejumlah wang tunai dianggarkan berjumlah RM35,719.

"Kita kini mengenalpasti sama ada terdapat anggota sindiket lain yang terlibat dalam kegiatan ini," katanya.

Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Dua lelaki sewa lori tangki untuk seleweng diesel

Raih pendapatan 'haram' RM300 sehari

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA

SEBERANG PERAI – Dua lelaki yang merupakan pemandu dan kelindan lori sanggup menyewa sebuah lori tangki bagi menyeleweng diesel bersubsidi semata-mata meraih pendapatan RM200 hingga RM300 sehari.

Itu modus operandi terbaru dikesan pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang susulan satu serbuan di sebuah stesen minyak di Jalan Kulim, Bukit Mertajam, di sini, kira-kira pukul 4.30 petang kelmarin.

Pengarahnya, S. Jegan berkata, serbuan itu dilakukan hasil pemantauan dan pemeriksaan harian yang dijalankan KPDN.

Terdahulu, kata beliau, empat pegawai penguat kuasa KPDN telah menjejaki sebuah lori tangki berwarna putih seberat 6.5 tan tanpa muatan yang mencurigakan sedang mengisi diesel.

Ujarnya, hasil pemeriksaan mendapati, lori itu mempunyai satu unit tangki besi berkapasiti 10,800 liter di bahagian belakang dan satu unit tangki berkapasiti 800 liter di sebelah tepi yang digunakan untuk mengisi diesel dari stesen-stesen minyak di kawasan tersebut.

"Pemeriksaan lanjut menjumpai kira-kira 1,800 liter diesel di kedua-dua tangki berkenaan.

"Pada masa sama, dua warga tempatan iaitu pemandu dan kelindan lori berusia lingkungan 20-an dan 30-an itu turut ditahan.

"Mereka mengakui menyewa lori tangki itu bagi tujuan pe-



JEGAN (kanan) bersama Timbalannya, A. Mogan menunjukkan lori tangki yang digunakan dua suspek bagi aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi di Stor Penyimpanan Eksibit KPDN Bukit Minyak, Bukit Mertajam semalam. – IQBAL HAMDAN

nyelewengan (diesel subsidi) sejak dua bulan lalu dengan meraih pendapatan antara RM200 hingga RM300," katanya kepada pemberita semalam.

Ujar Jegan, anggaran keseluruhan nilai rampasan dan sitaan melibatkan lori tangki, diesel, pam motor, hos, telefon bimbit, walkie-talkie serta sejumlah wang tunai dianggarkan RM35,719.

"Ketika ini, siasatan masih dijalankan untuk mengenal pasti

jika terdapat anggota sindiket lain yang terlibat dalam kegiatan ini," katanya.

Jelasnya, kedua-dua suspek direman untuk siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Beliau turut mengingatkan mana-mana pihak yang cuba menyalahgunakan barang kawalan bersubsidi seperti diesel akan dikenakan tindakan tegas dan mengalu-alukan sebarang maklumat atau aduan orang awam berhubung aktiviti tersebut.

Senarai Harga Barang Keperluan		Telur Gred A		Gula Pasir		Cili Merah	
Ayam	RM7.99	Ikan Kembung	RM15	Bawang Besar Holland	RM3.50	Kubis Bulat Tempatan	RM3
Daging Lembu Tempatan	RM40	Minyak Masak	RM6.60	Bawang Putih	RM5	Tepung Gandum	RM2.20
Daging Lembu Import	RM63.90						

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN

Sayur turun RM2-RM4 sekilogram

Peniaga mula peroleh bekalan daripada pengusaha

Oleh Baharom Bakar
dan Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Harga beberapa sayuran yang dikatakan naik secara mendadak pada pertengahan bulan lalu turun antara RM2 hingga RM4 setiap kilogram sejak awal bulan ini.

Tinjauan di kedai Myfarm Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mendapati, harga sawi dijual RM5 sekilogram berbanding RM18, kubis bulat RM3 (RM5), tomato RM8 (RM12).

Sayur lain yang turun termasuk kangkung RM10 sekilogram berbanding RM16, sawi manis RM8 (RM15), terung RM12 (RM18), lada besar RM14 (RM20), salad bulat RM12 (RM16) dan salad pokok RM20 (RM24).

Peniaga di Chendering, Muhammad Saufi Abdul Sallam Zamri, 26, berkata penurunan harga pelbagai jenis sayur berlaku sejak awal bulan ini.

"Penurunan harga disebabkan peniaga memperoleh bekalan secara terus daripada pekebun, termasuk pembekal di Cameron Highlands.

"Kita juga memperoleh bekalan pelbagai jenis sayur daripada pengusaha tempatan," katanya ketika ditemui semalam.

Muhammad Saufi juga mengakui berlaku peningkatan harga antara 45 hingga 70 peratus bekalan sayuran sejak pertengahan Disember lalu disebabkan cuaca, termasuk beberapa negeri dilanda banjir.

"Harga bekalan sayuran dijangka meningkat sedikit sempena cuti Tahun Baharu Cina nanti.

"Tetapi peningkatan harga sayur tidaklah setinggi ketika musim tengkujuh yang bermula sejak pertengahan bulan lalu," katanya.

Sedia laporan harian

Sementara itu, tinjauan di beberapa pasar awam di bandar raya Kuala Terengganu turut mendapati berlaku penurunan harga.



Muhammad Saufi (kiri) sedang melayani pelanggannya di kedai Myfarm FAMA di Chendering, semalam.

(Foto Baharom Bakar/BH)

Di Pulau Pinang, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang memaklumkan bekalan telur ayam di negeri itu masih mencukupi melalui pemeriksaan harian yang dijalankan.

Pengarahnya, S Jegan, berkata pemeriksaan menerusi Op Terjah yang dilaksanakan mendapati bekalan ayam mencukupi antara 50 hingga 60 peratus berbanding

sebelum ini.

Katanya, setiap KPDN seluruh negeri diminta menyediakan laporan harian berkaitan bekalan makanan, termasuk telur ayam.

"Justeru, sebanyak 409 pemeriksaan dijalankan sejak 16 Disember lalu sehingga semalam (kelmarin) yang kita dapati bekalan telur ayam masih mencukupi.

"Ini berdasarkan kesimpulan kita yang mengkategorikan be-

kalan telur mengikut kod warna hijau (mencukupi), kuning (bekalan kurang) dan merah (tiada bekalan).

"Apa kita dapati kod warna hijau ada 337 (premis) mempunyai bekalan, 23 (premis) kuning kurang bekalan dan 12 lagi tiada bekalan. Secara keseluruhannya bekalan itu masih mencukupi dan berharap ia kekal sehingga musim perayaan," katanya.

BERITA ONLINE BERTARIKH 6 JANUARI 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
6-Jan	Bekalan telur di Pulau Pinang mencukupi - KPDN	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/bekalan-telur-di-pulau-pinang-mencukupi-kpdn-400360%3famp=1	ASTROAWANI
6-Jan	Bekalan telur ayam di Pulau Pinang masih mencukupi	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1047991/bekalan-telur-ayam-di-pulau-pinang-masih-mencukupi	BH
6-Jan	Cubaan seleweng diesel gagal	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/01/922358/cubaan-seleweng-diesel-gagal	HM
6-Jan	KPDN tahan dua lelaki disyaki cuba seleweng diesel bersubsidi	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpdn-tahan-dua-lelaki-disyaki-cuba-seleweng-diesel-bersubsidi-PA10454568	THESUNDAILY
6-Jan	KPDN Perak tumpas sindiket seleweng minyak bersubsidi, sita 7,600 liter diesel	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-perak-tumpas-sindiket-seleweng-minyak-bersubsidi-sita-7-600-liter-diesel-400337%3famp=1	ASTROAWANI
6-Jan	KPDN tahan dua lelaki disyaki cuba seleweng diesel bersubsidi	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2153509	BERNAMA
6-Jan	KPDN Perak aktiviti seleweng lebih RM100,000 minyak diesel bersubsidi di Simpang Pulai	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2153506	BERNAMA
6-Jan	Lori isi minyak terlalu lama, bongkar seleweng diesel subsidi	https://www.buletintv3.my/jenayah/cubaan-seleweng-diesel-gagal/	BULETINTV3
6-Jan	Seleweng diesel guna lori tangki sewa	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/01/seleweng-diesel-guna-lori-tangki-sewa/	UM
6-Jan	Kantoi seleweng diesel subsidi lepas isi minyak sejam	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/239129	SH

6-Jan	Bapa berang dituduh beli daging babi untuk anak	https://www.kosmo.com.my/2023/01/05/bapa-berang-dituduh-beli-daging-babi-untuk-anak/	KOSMO
6-Jan	KPDN periksa 12,293 premis perniagaan, pantau bekalan barang kawalan	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1048128/kpdn-periksa-12293-premis-perniagaan-pantau-bekalan-barang-kawalan	BH
6-Jan	KPDN rekod 10,894 kes seleweng barang keperluan	https://www.sinarharian.com.my/article/239214/berita/semasa/kpdn-rekod-10894-kes-seleweng-barang-keperluan	SH
6-Jan	KPDN rekod 10,894 kes seleweng barang keperluan	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-rekod-10-894-kes-seleweng-barang-keperluan-400434%3famp=1	ASTROAWANI
6-Jan	Govt seizes RM115 mil worth of subsidised, controlled goods in 2022	https://www.thevibes.com/articles/news/82118/govt-seizes-rm115-mil-worth-of-subsidised-controlled-goods-in-2022	THEVIBES
6-Jan	KPDN records 10,894 offences with seizures worth RM115m in 2023	https://www.dailyexpress.com.my/news/205452/kpdn-records-10-894-offences-with-seizures-worth-rm115m-in-2022/	DAILYEXPRESS
6-Jan	KPDN records 10,894 offences with seizures worth RM115m in 2023	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2153690	BERNAMA
6-Jan	KPDN rekod 10,894 kes seleweng barangan keperluan	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/54651-kpdn-rekod-10-894-kes-seleweng-barangan-keperluan	BERITARTM
6-Jan	KPDN rekod 10,894 kes seleweng barangan keperluan	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpdn-rekod-10894-kes-seleweng-barangan-keperluan-IA10457069	THEUSNDAILY

6-Jan	Domestic trade ministry records RM115m seizures 10894 offences	https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/01/867623/domestic-trade-ministry-records-rm115-million-seizures-10894-offences	NST
6-Jan	KPDN sumbang 1,000 kotak barangan makanan, peralatan rumah kepada mangsa banjir Kelantan	https://suaramerdeka.com.my/kpdn-sumbang-1000-kotak-barangan-makanan-dan-peralatan-rumah-kepada-mangsa-banjir-kelantan/	SUARAMERDEKA
6-Jan	Bekalan telur ayam di Pulau Pinang masih mencukupi	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1047991/bekalan-telur-ayam-di-pulau-pinang-masih-mencukupi	BH
6-Jan	Bekalan telur ayam di P.Pinang cukup – Jegan	https://malaysiagazette.com/2023/01/05/bekalan-telur-ayam-di-p-pinang-cukup-jegan/	MALAYSIAGAZETTE
6-Jan	Bekalan telur ayam di Pulau Pinang masih mencukupi	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/01/bekalan-telur-ayam-di-pulau-pinang-masih-mencukupi/	UM
6-Jan	Bekalan telur ayam di Pulau Pinang masih cukup	https://www.kosmo.com.my/2023/01/05/bekalan-telur-ayam-di-pulau-pinang-masih-cukup/	KOSMO
6-Jan	Bekalan telur di Pulau Pinang mencukupi - KPDN	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/bekalan-telur-di-pulau-pinang-mencukupi-kpdn-400360%3famp=1	ASTROAWANI
6-Jan	KPDN sita barang RM115 juta	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/01/1048181/kpdn-sita-barang-rm115-juta	BH
6-Jan	Penang KPDN detain two men believed involved in diesel smuggling syndicate	https://www.thesundaily.my/local/penang-kpdn-detain-two-men-believed-involved-in-diesel-smuggling-syndicate-PA10455912	THESUNDAILY

6-Jan	Sewa lori tangki untuk seleweng diesel	https://youtu.be/wzYK94nUIIs	HM
6-Jan	Sewa lori tangki untuk seleweng diesel	https://www.kosmo.com.my/2023/01/05/sewa-lori-tangki-untuk-seleweng-diesel/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=sewa-lori-tangki-untuk-seleweng-diesel	KOSMO
6-Jan	Sewa lori tangki untuk seludup minyak diesel	https://wartarakyat.com.my/index.php/2023/01/05/sewa-lori-tangki-untuk-seludup-minyak-diesel/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=sewa-lori-tangki-untuk-seludup-minyak-diesel	WARTARAKYAT
6-Jan	Penang KPDN detain two men believed involved in diesel smuggling syndicate	https://www.bernama.com/v2/en/general/news.php?id=2153612	BERNAMA
6-Jan	Dua lelaki terima upah RM300 sehari untuk seludup diesel	https://malaysiagazette.com/2023/01/05/dua-lelaki-terima-upah-rm300-sehari-untuk-seludup-diesel/	MALAYSIAGAZETTE